

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini cadangan Kementerian untuk penambahan dan penggantian mesin haemodialisis di Hospital Umum Saratok.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau keperluan untuk menambah baik fasiliti di fasiliti perkhidmatan Kementerian dari semasa ke semasa dan ianya dibuat secara berfasa bergantung kepada keperluan populasi setempat. Pada masa kini, Unit hemodialisis di Hospital Umum Saratok mempunyai 10 buah mesin hemodialisis termasuk satu (1) mesin hemodialisis yang baru dibekalkan pada tahun 2019.

Pada masa ini, jumlah pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis di Hospital Umum Saratok adalah seramai 42 orang sahaja dan jumlah mesin hemodialisis sedia ada di hospital ini adalah mencukupi untuk merawat kesemua pesakit berkenaan. Namun demikian, Kementerian akan sentiasa memantau bilangan pesakit hemodialisis di Hospital Umum Saratok ini dan akan menaiktaraf serta menambah bilangan mesin hemodialisi berkenaan sekiranya perlu.

Sekian, terima kasih.